

Kertas Bil. 14/2017



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KELIMA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 27 MAC – 31 MAC DAN 3 APRIL 2017**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG POLISI BEBAS PLASTIK DAN
POLISTIRENA DI NEGERI SELANGOR**

KERTAS BILANGAN 4/2017

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN POLISI BEBAS PLASTIK DAN POLISTIRENA DI NEGERI SELANGOR**
MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS PADA
27 – 31 MAC 2017 DAN 3 APRIL 2017

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN / TINDAKAN MMKN
Kertas Mesyuarat Bilangan 4/2017	PENYATA JAWATANKUSA SA PILIHAN MENGENAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JP-PBT) BERHUBUNG POLISI BEBAS PLASTIK DAN POLISTIRENA DI NEGERI SELANGOR	<p>6.1 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor menjalankan lebih banyak kempen kesedaran awam dan kempen pendidikan awam untuk meningkatkan lagi kesedaran rakyat Selangor mengenai kempen ini. Jawatankuasa mencadangkan agar kempen-kempen berkenaan dilaksanakan dengan lebih kerap dan di lebih banyak kawasan di Selangor.</p>	✓		<p>Kempen Kesedaran Awam dan Kempen Pendidikan Awam Bebas Plastik telah dijalankan dengan kerjasama Pihak Berkuausa Tempatan melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Program Bazar Ramadan Mampang; ii) Karnival Pengguna Bebas Plastik; iii) Program Pembersihan Sungai; iv) Program Pembersihan Pantai; v) Program Pemuliharaan Alam Sekitar dan sebagainya.
		<p>6.2 Kerajaan Negeri Selangor hendaklah lebih kreatif dalam pelaksanaan program dan promosi kempen. Hal ini untuk memastikan golongan kanak-kanak dididik mengenai kepentingan polisi ini terhadap alam sekitar sejak kecil lagi.</p>	✓		<p>Kerajaan Negeri Selangor dibawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna telah mewujudkan sebuah laman web bebasplastik.my yang memberikan maklumat mengenai kempen Bebas Plastik dan maskot untuk menarik minat dan perhatian semua pihak termasuk kanak-kanak. Selain itu, sewaktu</p>



BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN / TINDAKAN MMKN
		6.3 Kerajaan Negeri Selangor hendaklah lebih aktif dalam melibatkan golongan peniaga kecil dalam pelaksanaan kempen dan polisi ini.	✓		<p>pelaksanaan Karnival Pengguna Bebas Plastik, kanak-kanak akan dibekalkan dengan buku mewarna bagi mendidik mereka tentang kempen ini.</p> <p>Kempen Bebas Plastik dilaksanakan disemua peringkat peniaga bermula 1 Januari 2017. Taklimat dan pendidikan mengenai kempen dilaksanakan terutamanya sewaktu peniaga membuat permohonan lesen baru dari PBT Negeri Selangor. Selain itu, bagi Program Bazar Ramadhan Mampan (bermula tahun 2014) yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadan, semua peniaga yang memohon lesen perniagaan diberi taklimat mengenai kempen ini dan diminta untuk mematuhi arahan untuk tidak memberi beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polistirena.</p>
		6.4 Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri Selangor memastikan setiap caj 20 sen dimasukkan ke dalam satu tabung khas yang akan digunakan untuk program-program mesra alam sekitar.		✓	<p>Setakat ini tiada sebarang tabung khas yang disediakan bagi tujuan kutipan caj 20 sen daripada peniaga. Walau bagaimanapun, pada masa kini, wang yang dikumpul oleh</p>

ELIZABETH WONG

ANNUAL MEETING OF THE COUNCIL OF THE STATE OF SELANGOR

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN / TINDAKAN MMKN
		peruncit dan peniaga dari caj 20 sen tersebut akan disalurkan untuk melaksanakan program-program Corporate Social Responsibility "CSR" atau disalurkan kepada badan-badan amal bagi melaksanakan usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar melalui PBT Negeri Selangor.			
		6.5 Merujuk kepada perkara 6.4, Jawatankuasa mencadangkan agar peniaga kecil dikecualikan daripada polisi caj 20 sen ini. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa peniaga kecil tersebut bererti mana-mana buah syarikat yang perolehan tahunannya tidak mencapai nilai ambang RM500,000.	✓		<p>Kempen ini diteruskan di semua peringkat peniaga termasuk peniaga kecil bagi nemastikan tujuan kempen tercapai, antaranya untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan mengurangkan masalah alam sekitar dan kesihatan yang berpunca dari pembuangan beg plastik. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah mengecualikan beberapa produk dan barang daripada dikenakan caj seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Makaman dan Tumbuh-tumbuhan <ol style="list-style-type: none"> i. Makanan mentah: <ul style="list-style-type: none"> • Ikan, lembu, ayam, khinzir, kambing dan produk-produk daging; • Makanan untuk haiwan

ELIZABETH WONG

AHLI MAJIS MESTUARAT KERAMAIAH NEGERI SELANGOR
PENGERTUIS JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN, ALAM SENTAR
PERCUMA

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN / TINDAKAN MMKKN
		<p>atau kegunaan manusia - contohnya guia-gula, pallet makanan haiwan atau makanan dalam bekas yang tidak cukup selamat untuk mengelakkan kebocoran semasa pengendalian;</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Biji benih tumbuh-tumbuhan yang tidak dibungkus iii. Bunga iv. Tanaman yang diselaputi tanah (seperti kentang, halia, ubi). <p>2. Produk seperti ubat-ubatan preskripsi dan bahan racun yang bahaya.</p> <p>3. Hidupan akuatik seperti ikan hidup atau spesis akuatik yang lain.</p>			<p>Audit akan dilaksanakan secara berkala ke atas perniagaan yang terpilih</p>
		<p>6.6 Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri Selangor mengaudit peniaga-peniaga yang terlibat dalam-pelaksanaan Polisi Bebas Plastik dan Polistirena ini berdasarkan perkara 6.4 dan perkara 6.5</p> <p>6.7 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor membuat kajian dan memperkenalkan beberapa alternatif kepada bekas polistirena yang sedia ada dalam pasaran Malaysia.</p>	✓		<p>Penggunaan polistirena adalah dilarang di semua premis makanan. Seterusnya, kajian mengenai alternatif kepada</p>

ELIZABETH WONG

WUIMII CEMERIAHAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BIL..	TAJUK PENYATA	SARANAN	DITERIMA	DITOLAK	ULASAN / TINDAKAN MMKN
		6.8 Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor menentukan satu sistem <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> bagi menilai kejayaan Kempen Bebas Plastik dan Polistirena.	✓		bekas polistirena yang sedia ada dalam pasaran Malaysia hanya akan dilaksanakan sekiranya ada keperluan. Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pengguna akan meneliti cadangan supaya Kerajaan Negeri Selangor menentukan satu sistem <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> setelah Kajian Kesedaran Pengguna Dan Penjagaan Alam Sekitar Terhadap Penerimaan Kempen Tanpa Beg Plastik Di Negeri Selangor selesai dilaksanakan kelak.



ELIZABETH WONG
 AHL MAJIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR
 PENGURUS JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN, ALAM SEKITAR,
 TEKNOLOGI HUJAU DAN HAL EHVAL PENGUNA.